

Geoffrey lancar ICN UMSKAL

UB 17-4-2014 B2

LABUAN: Timbalan Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal melancarkan Indian Culture Nite (ICN) 2014, kelmarin.

Majlis pelancaran yang diadakan di ruang legara Bangunan Menara universiti itu dimeriahkan dengan persembahan tarian dan nyanyian pelajar India yang menghiburkan tetamu dan pelajar lain.

Turut diadakan pameran adat dan budaya serta pakaian tradisional dan makanan masyarakat India di negara ini.

Geoffrey yakin melalui ICN, pelajar dan kakitangan di universiti itu dapat

memahami dengan lebih dekat adat dan budaya komuniti India.

Beliau berharap pelajar bangsa lain akan sentiasa memahami kebudayaan masyarakat India yang menarik dan mempersonakan.

"Terdapat pelbagai pameran makanan dan pakaian komuniti India yang boleh merapatkan lagi perpaduan rakyat di negara ini," katanya.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Aliberkata, pelajar sebagai duta kecil UMSKAL digalakkan agar sentiasa mempromosi adat dan budaya kaum masing-masing kepada masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Malah katanya, pelajar bangsa lain juga berpeluang mengetahui adat budaya kaum India yang membabitkan makanan, pakaian, tarian dan nyanyian ketika berada di menara gading.

Geoffrey turut berbangga kerana AJK penganjur berjaya mengadakan program seumpama itu yang mampu menyatupadukan pelajar berbilang bangsa termasuk pelajar antarabangsa di universiti itu.

Hadir pada majlis itu ialah Pengerusi MIC Labuan Ramasamy a/l Rengasamy, Pegawai Psikologi Nur Iman Reedzal dan Pengarah Program ICN Saravanakumar Kannan.



GEOFFREY dan Ramasamy bergambar kenangan bersama AJK Penganjur ICN 2014.



(Gambar atas) PERSEMBAHAN tarian India yang menarik dan menghiburkan.

(Gambar kanan) GEOFFREY (kiri) menerima cenderamata daripada Ramasamy selepas melancarkan ICN UMSKAL 2014.

